

# Toleransi Beragama dalam Filem *Bajrangi Bhaijaan* (2015)

**BITARA**Volume 3, Issue 3, 2020: 1-9  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Religious Tolerance in *Bajrangi Bhaijaan* Film (2015)]

Wani Syafiqah Adnan,<sup>1</sup> Indriaty Ismail,<sup>1</sup> Mazlan Ibrahim<sup>1</sup>

### Abstrak

Filem merupakan salah satu wasilah untuk menonjolkan toleransi beragama terhadap masyarakat majmuk di Malaysia. Toleransi agama merupakan perkara penting yang dibahaskan di peringkat global. Penyampaian melalui filem adalah sangat berkesan kepada masyarakat pada hari ini untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Filem *Bajrangi Bhaijaan* merupakan satu fenomena yang tercetus antara dua buah negara yang bergolak. Filem ini sebenarnya telah mengangkat toleransi beragama di mata masyarakat. Penulis telah memfokuskan filem *Bajrangi Bhaijaan* di dalam kajian ini. Artikel ini dilakukan adalah untuk mengkaji bentuk-bentuk toleransi agama. Kedua adalah untuk meneliti bentuk-bentuk toleransi agama di dalam filem *Bajrangi Bhaijaan*. Ketiga adalah untuk menganalisis bentuk-bentuk toleransi agama di dalam filem *Bajrangi Bhaijaan* terhadap masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah metodologi kajian kepustakaan. Maklumat diperolehi menerusi rujukan ilmiah yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti buku-buku, tesis, kertas kerja, surat khabar, artikel, internet, dan bahan-bahan lain yang sesuai dijadikan rujukan. Bahan-bahan tersebut diperolehi di Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM) dan Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam (UKM). Hasil kajian akan menemukan bentuk toleransi antara filem *Bajrangi Bhaijaan* dan masyarakat Islam di Malaysia.

### Kata kunci:

toleransi, beragama, filem, *Bajrangi Bhaijaan*

### Abstract

The film is one of the major issues in promoting religious tolerance towards the plural society in Malaysia. Religious tolerance is an important issue that is addressed globally. Presentation through the film is very effective in today's society to convey information. The *Bhaijaan Bajrangi* film is a phenomenon that sparks between two turbulent countries. The film has actually lifted religious tolerance in the eyes of the people. The author has focused on *Bajrangi Bhaijaan* film in this study. This article is to study the forms of religious tolerance. The second is to examine the forms of religious tolerance in *Bajrangi Bhaijaan* film. Third is to analyse the forms of religious tolerance in *Bajrangi Bhaijaan* film against Muslim society in Malaysia. The study was carried out using the methodology of literature study. Information is obtained through scientific references related to research titles such as books, theses, papers, newspapers, articles, the internet, and other suitable materials for reference. The materials were obtained at the Tun Sri Lanang Library (UKM) and the Library of Islamic

---

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

MAZLAN IBRAHIM, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: mazib@ukm.edu.my

Studies (UKM). The findings will find the tolerance form between the *Bajrangi Bhaijaan* film and the Muslim community in Malaysia.

**Keywords:**

tolerance, religious, film, Bhaijaan Bajrangi

**Cite This Article:**

Wani Syafiqah Adnan, Indriaty Ismail, Mazlan Ibrahim. 2020. Toleransi beragama dalam filem *Bajrangi Bhaijaan* (2015). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 1-9.

## Pengenalan

Filem merupakan medium yang penting dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Terdapat pelbagai genre filem yang dipersembahkan untuk tatapan masyarakat. Terdapat banyak filem yang memaparkan nilai-nilai keagamaan seperti Muhsin (2006), Pensil (2008), dan Di Bawah Lindungan Kaabah (2011). Justeru itu, filem merupakan produk untuk menghasilkan karya dan mempromosikan nilai-nilai murni untuk mengembangkan dakwah dan menanam minat penonton untuk menonton filem yang berunsurkan Islamik. Pada masa kini, dunia sedang berjalan seiring dengan dunia perfileman. Setiap negara menonjolkan sebuah filem yang menarik bagi menyampaikan sesuatu mesej kepada penonton di samping meningkatkan industri perfileman dunia. Indonesia merupakan antara contoh negara yang menghasilkan sebuah filem yang berunsur dakwah dan perlu dicontohi oleh negara Malaysia juga.

Filem *Bajrangi Bhaijaan* (2015) menjadi satu fenomena yang besar kepada seluruh masyarakat dunia kerana kutipan filem berjaya mencecah 90 juta di seluruh negara (Malaysia Kini 2015). ini berjaya membawa cerita yang menarik daripada sudut jalan cerita di dua buah negara iaitu India dan Pakistan. Sebenarnya filem ini merupakan sebuah kisah benar antara negara India dan Pakistan yang sedang bergolak sehingga ke hari ini. Pada hari ini, filem ini berjaya dilakonkan semula bagi menggambarkan situasi yang sebenarnya yang berlaku di dua buah negara Pakistan dan India. Ini menunjukkan toleransi agama di dalam filem ini membawa paradigma kepada masyarakat untuk menghayati konsep toleransi yang sebenarnya walaupun hanya di dalam sebuah filem.

Kepelbagaian definisi toleransi sering mengakibatkan kecelaruan idea dalam perbincangan dan tindakan bagi sesuatu perkara. Antara kecelaruan yang sering ditimbulkan ialah mengenai isu sensitif bagi setiap penganut agama dari segi budaya, agama, dan politik. Bagi tujuan perbahasan dalam bab ini, pengkaji mencadangkan definisi toleransi agama adalah satu kesediaan sikap atau tingkah laku yang membenarkan dan menerima perbezaan agama untuk diamalkan dalam sebuah masyarakat majmuk tanpa prejudis dan diskriminasi. Memberi kebenaran dan penerimaan kepelbagaian agama tersebut tidak menjadikan seseorang itu mempercayai atau menjadi penganut sesuatu agama. Ia juga tidak membawa kepada seseorang itu mengiktiraf semua agama adalah pada kedudukan yang sama dari segi kebenarannya (Talib 2012).

Berdasarkan analisis dalam filem ini menunjukkan nilai toleransi dapat dipupuk melalui teladan dan cara berkomunikasi yang baik. Filem ini sangat menginspirasi melalui watak-watak yang dilakonkan oleh Munni dan Pawan yang bersungguh-sungguh. Hubungan antara

dua orang yang berlainan latar belakang itu menggalak penonton untuk berbuat baik dan bertoleransi dalam kalangan masyarakat yang mempunyai pelbagai agama. Di India, yang mendominasi masyarakat di sana ialah agama Hindu, namun ada juga agama lain iaitu Islam. Menurut penulis, pesanan dan mesej yang disampaikan dalam filem *Bajrangi Bhaijaan* telah membuahkan corak berfikir masyarakat terhadap bentuk toleransi beragama yang sistematik. Walaupun berbeza negara, namun nilai-nilai toleransi agama tidak mengganggu masyarakat untuk membina sebuah hubungan yang erat dan baik.

Filem *Bajrangi Bhaijaan* bukan sahaja menyoroti keadaan hubungan India dan Pakistan, tetapi juga memfokuskan toleransi agama yang terjadi pada dua buah negara tersebut iaitu India dan Pakistan. Filem ini dipengaruhi oleh suasana itu. Toleransi yang selalu diajarkan di dalam Islam adalah saling memberi dan menerima seseorang yang mempunyai pelbagai kepercayaan. Hal ini dapat menjawab stigma negatif masyarakat yang anti terhadap agama Islam selama ini. Filem ini juga telah memaparkan sistem kasta yang masih berlaku di India. Sebagai agama majoriti yang memeluk agama Hindu, India masih mempunyai struktur sosial yang masih kuat dalam agama mereka. Hal ini menjadi jurang pemisah kepada penganut agama lain bahkan sesama penganut agama Hindu itu sendiri. Penulis berpendapat bahawa sistem kasta ini perlu diubah supaya semua penganut agama Hindu tidak lagi membeza-bezakan status dan darjat dalam masyarakat mereka itu sendiri. Justeru, filem ini telah mendapat impak positif di dalam dunia filem seluruh negara seperti China, Malaysia, Brunei, Filipina, Thailand, dan Indonesia.

## Bentuk-bentuk Toleransi

Suatu tanda bahawa ada sikap dan suasana toleransi wujud antara sesama manusia atau penganut agama yang berbeza adalah bentuk-bentuk seperti berikut:

1. Mengakui hak setiap orang.  
Suatu sikap mental yang mengakui hak setiap orang di dalam menentukan sikap laku dan nasibnya masing-masing. Tentu saja sikap atau perilaku yang dijalankan itu tidak melanggar hak orang lain oleh sebab kehidupan dalam masyarakat akan terganggu.
2. Menghormati keyakinan orang lain.  
Landasan keyakinan di atas adalah berdasarkan kepercayaan. Bahawa tidak benar ada orang atau golongan yang berkeras memaksa kehendaknya sendiri kepada orang atau golongan lain. Tidak ada orang atau golongan yang memonopoli kebenaran dan landasan ini. Soal keyakinan adalah urusan peribadi masing-masing. Bila seseorang tidak menghormati keyakinan orang lain dalam perbezaan agama, perbezaan keyakinan lantas ia akan menjadi bahan ejekan dan cemuhan di antara satu orang dengan yang lainnya.
3. Bersetuju dalam perbezaan.  
Ia adalah perbezaan yang tidak harus ada permusuhan kerana perbezaan selalu ada di dunia ini dan perbezaan tidak harus menimbulkan pertentangan.
4. Saling mengerti.  
Saling menghormati sesama orang lain tidak akan terjadi apabila mereka tidak ada saling mengerti. Saling membenci dan saling berebut adalah satu akibat dari tidak adanya saling mengerti dan saling menghargai antara satu dengan yang lain.

## 5. Kesedaran dan kejujuran.

Toleransi menyangkut sikap jiwa dan kesedaran seseorang. Kesedaran jiwa menimbulkan kejujuran dan kepolosan sikap laku. Bila telah sampai kepada peringkat tersebut maka masyarakat akan tenang dan harmoni.

Oleh itu, kelima-lima bentuk tersebut merupakan landasan yang menjadi sikap laku yang disebut sebagai toleransi (Umar Hasyim 1979). Menurut pandangan penulis, bentuk-bentuk toleransi tersebut merupakan modal utama untuk mewujudkan kerukunan dan keadilan dalam kehidupan masyarakat yang harmoni. Toleransi banyak mengajarkan kita sikap ambil peduli, saling mengasih dan berlapang dada. Selain itu, perbezaan antara agama bukanlah menjadi garis pemisah kepada masyarakat untuk bersatu dan melakukan perkara-perkara yang baik. Setiap agama menganjurkan perkara yang baik walaupun kepercayaan masing-masing adalah berbeza. Oleh itu, bentuk-bentuk toleransi perlu dipupuk oleh setiap masyarakat pada hari ini untuk mencapai kemajuan dalam bidang toleransi beragama.

Selepas menonton filem ini, memang terdapat lima bentuk toleransi yang telah disebutkan oleh Umar Hasyim. Setiap babak yang dipaparkan mempunyai bentuk toleransi yang berbeza. Contohnya, Pawan (Salman Khan) mempunyai sikap yang jujur kepada Munni (Herlisha). Babak ini sebenarnya merupakan bentuk toleransi yang dapat difahami bahawa untuk melaksanakan kejujuran memerlukan sebuah keikhlasan. Jadi, bentuk toleransi ini telah diserap masuk ke dalam filem ini bagi memberi pengajaran kepada penonton dan supaya dapat ditanamkan dalam diri penonton untuk lebih bersikap jujur dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mengharap balasan daripada manusia. Oleh itu, babak di dalam filem ini akan menghuraikan dan menjelaskan bentuk-bentuk toleransi yang dipaparkan mengikut jalan cerita yang menarik.

## Peranan Filem Terhadap Unsur Toleransi

Toleransi merupakan modal utama untuk mewujudkan kerukunan dan keadilan dalam kehidupan di dunia ini. Penulis akan menganalisis unsur-unsur toleransi beragama di dalam filem *Bajrangi Bhaijaan* (2015). Antaranya ialah:

### Babak 1 (Minit 22)

Seterusnya, pengkaji akan mengupas lebih lanjut mengenai babak unsur toleransi agama di dalam filem *Bajrangi Bhaijaan*. Bentuk toleransi yang ditonjolkan dalam filem ini ialah kesedaran dan kejujuran. Hal ini kerana tindakan spontan yang dilakukan tanpa berfikir panjang. Toleransi agama ini bermula ketika Munni (seorang budak perempuan kecil beragama Islam) sedang melihat Pawan (lelaki dewasa yang beragama Hindu) meminum seteguk air dan Munni sangat berasa dahaga sekali kerana seharian dia tidak makan dan minum. Pawan yang berasa kehairanan melihat Munni dan memanggilnya untuk datang lebih dekat. Pawan memberikan Munni minum dan memberikannya makan. Pawan bertanya kepada Munni namanya tetapi Munni tidak bercakap. Orang kedai memberitahu Pawan bahawa budak kecil ini mesti bisu dan pekak. Bentuk toleransi yang ditunjukkan di sini ialah bentuk kesedaran dan

kejujuran Pawan yang memberikan Munni makan dan minum walaupun dia tidak pernah berjumpa Munni. Hal ini kerana dia berasa kasihan terhadap Munni. Sikap toleransi menghendaki kesediaan seseorang individu untuk menerima perbezaan agama, kepercayaan, keyakinan dan pendirian, kefahaman dan penilaian atau yang seerti dengannya terhadap orang lain.

Oleh itu, di dalam filem ini pengkaji berpendapat bentuk toleransi dalam diri manusia sudah pun terlahir satu sifat atau akhlak yang berlaku secara semula jadi dan spontan walaupun sebenarnya mempunyai perbezaan agama. Buktinya, Pawan tidak berfikir panjang untuk melakukan kebaikan terhadap anak kecil tersebut.

## **Babak 2 (Minit 25:13)**

Bentuk toleransi agama yang terdapat di dalam babak filem *Bajrangi Bhaijaan* ini ialah saling menolong. Ia dapat dipaparkan apabila walaupun berbeza agama, setiap orang mempunyai sifat yang baik ini. Hal ini adalah kerana dia mati akal kerana Munni asyik mengikutinya selepas dia ingin pulang daripada kedai makan. Akhirnya, Pawan membuat keputusan untuk menghantar Munni ke balai polis. Hal ini adalah kerana Pawan memikirkan bahawa ibu bapa anak kecil ini pasti sedang mencarinya. Pegawai polis tersebut tidak mahu menerima anak kecil itu kerana dia memberitahu Pawan orang yang masuk di dalam lokap adalah penjenayah, pencuri, dan orang yang melakukan kesalahan. Tetapi anak kecil itu tidak melakukan perkara demikian dan akhirnya pegawai polis itu menyuruh Pawan membawa pulang anak kecil tersebut sehingga dia mendapat maklumat tentang anak kecil tersebut.

Bentuk toleransi agama yang pengkaji hendak tekankan ialah mengakui hak setiap orang. Hal ini kerana setiap orang mempunyai hak masing-masing untuk berbuat kebaikan. Contohnya, Pawan membawa Munni ke balai polis untuk menghantarnya pulang. Walaupun Pawan tidak mahu Munni mengikutinya pulang, sekurang-kurangnya dia mempunyai tempat untuk menolong Munni berjumpa dengan kedua ibu bapanya semula iaitu di balai polis. Menurut Syed Qutub, sebahagian manusia menduga bahawa akhlak Islam merupakan beban yang berat bagi manusia sehingga menghalangi manusia untuk melaksanakannya di dalam kehidupan seharian. Anggapan ini datangnya daripada sebahagian individu yang hidup di dalam masyarakat yang tidak dikuasai oleh Islam (al-Qutb 2007).

Menurut Jaffary Awang beliau menegaskan bahawa agama berfungsi sebagai institusi sosial. Malah agama merupakan satu keperluan asas umat manusia yang menawarkan serumpun nilai. Keadaan ini bukan sahaja tertakluk kepada agama Islam tetapi juga kepada agama lain. Beliau turut menyatakan nilai bukan Islam seperti juga nilai Islam boleh berfungsi sebagai satu kuasa kesepaduan yang kuat dalam mencapai persefahaman (Jaffary et al. 2009). Oleh itu, penulis mengaitkan tindakan yang dilakukan oleh Pawan untuk membawa Munni ke balai polis adalah satu bentuk toleransi yang baik walaupun dia bukan beragama Islam.

## **Babak 3 (Minit 48:30)**

Setiap unsur toleransi agama yang ditunjukkan di dalam filem *Bajrangi Bhaijaan* berkembang mengikut babak demi babak. Dalam babak ini, pengkaji telah menemukan bentuk toleransi

agama terhadap agama Islam dan bukan Islam iaitu saling mengerti. Jalan ceritanya bermula apabila Pawan dan Rashika pulang daripada rumah keluarganya. Seluruh ahli keluarga Rashika mencari Munni kerana Munni telah hilang dan mereka tidak menjumpainya. Seterusnya Pawan dan Rashika meneruskan misi pencarian Munni di kawasan luar rumah mereka. Akhirnya Rashika perasan bahawa Munni sedang menjamu selera ayam goreng di rumah keluarga muslim di sana. Maka Rashika pun terus memanggil Pawan dan menunjukkan isyarat bahawa Munni berada di rumah tersebut. Walaupun berlatar belakangkan agama yang berbeza, babak ini memaparkan sikap saling mengerti kerana mereka saling bekerjasama untuk mencari anak kecil tersebut.

Konsep hidup berjiran ini perlu mempunyai perdamaian antara satu salam lain. Berdasarkan babak ini, seseorang muslim tidak boleh memisahkan diri daripada kehidupan dan manusia dengan berkata, “Aku, aku. Kamu, kamu” (al-Qaradhwi 2012). Di dalam aspek akhlak, Islam menggalakkan perasaan kasih sayang, persaudaraan dan melebihkan kepentingan orang lain. Islam juga memerintahkan supaya saling menolong dalam perkara kebaikan. Islam menyeru supaya mewujudkan kesepakatan dan kesatuan, saling mengasihani, bertolak ansur, berusaha dan mengorbankan kepentingan peribadi, menghormati peraturan dan taat kepada pemerintah dalam perkara kebaikan ( Qaradhawi 2012). Firman Allah SWT.,

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْأَجْنَبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

Maksudnya: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri (al-Quran: Surah al-Nisa’ 4: 36).

Oleh itu, jelaslah di dalam babak ini menunjukkan kepentingan jiran. Hal ini adalah kerana Munni menunjukkan bahawa dia tidak suka akan makanan keluarga Rashika dan mendapatkan jiran muslim untuk mendapatkan makanan kesukaannya iaitu ayam goreng. Jiran Rashika yang beragama Islam juga turut menyantuni Munni kerana mereka berasa kasihan terhadapnya.

# Analisis Bentuk Toleransi Agama Terhadap Masyarakat di Malaysia

## Cinta dan Kasih Sayang

Islam membina masyarakat dimulai daripada nurani individu, menanamkan benih kecintaan di dalam lubuk hati dan jiwa yang sedalam-dalamnya yang meniupkan rasa kasih sayang itu kecintaan manusiawi yang murni tulus. Apabila segala perasaan yang lembut itu telah membuat perangai manusia menjadi halus, ia akan lebih mengundang rasa kepada perdamaian. Hal ini adalah kerana pelbagai sebab yang menimbulkan perselisihan dan pertikaian akan menjadi lemah. Hati nurani dan perasaan itu merupakan jaminan yang paling kuat supaya kehidupan kita dapat berjalan dengan baik (Qutub 1983). Firman Allah;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat (al-Quran: Surah al-Hujurat 49: 10).

Kasih sayang tidak hanya dituntut daripada kaum muslimin sahaja tetapi dituntut juga daripada semua manusia. Bahkan Islam dengan ajaran kasih sayangnya melangkah lebih jauh lagi sehingga melampaui batas alam kehidupan manusia dan meliputi makhluk hidup yang lainnya. Hati nurani yang lembut dan penuh dengan cinta kasih memancarkan kecintaan dan keramahan terhadap setiap makhluk yang hidup (Qutb 1983). Untuk mewujudkan kecintaan dan kejernihan di dalam hati dan jiwa setiap orang, Islam menuntut kepada kaum muslimin supaya menjunjung tinggi kesopanan peribadi dan etika sosial. Selain itu, ia juga dapat mengelakkan perasaan benci dan dengki di dalam jiwa manusia.

## Belas Kasihan

Antara nilai toleransi yang dapat diaplikasikan dalam masyarakat Islam di Malaysia ialah sifat belas kasihan antara sesama manusia walaupun berbeza agama. Filem *Bajrangi Bhaijaan* telah membuka masyarakat bahawa setiap manusia perlu mempunyai perasaan belas kasihan antara satu sama lain. Dalam filem ini kita dapat melihat bahawa banyak kejadian yang berlaku antara Pawan, Munni, Chand Nawab, pengetua sekolah, dan juga keluarga Rashika. Mereka berasa sangat kasihan kepada Munni walaupun mereka tidak mengenal antara satu sama lain. Sebenarnya nilai ini perlu diterapkan di dalam setiap masyarakat Islam yang berada di Malaysia kerana ia berkaitan dengan perasaan seseorang. Belas kasihan ini juga mempunyai hubungan dengan semangat bertolak ansur antara satu sama lain. Ia kelihatan di dalam pergaulan yang baik, interaksi yang sopan, menjaga tatasusila kejiwaan, serta meluaskan perasaan kemanusiaan seperti kasih sayang, dan belas kasihan yang merupakan perkara-perkara yang diperlukan oleh kehidupan seharian tanpa memerlukan undang-undang dan proses keadilan (Qaradawi 2012).

Jiwa adalah induk dan pusat yang menyebabkan terjadinya sesuatu kelakuan atau perbuatan. Jadi apabila jiwa itu baik, pastilah amalan yang ditimbulkannya itu baik demikian pula apabila jiwa itu jahat, amalan yang keluar itu juga jahat. Begitulah dengan sifat belas kasihan yang ada di dalam setiap diri manusia. Jadi kalau hati dan jiwa itu merupakan sumber daripada segala perbuatan yang timbul daripada perbuatan seseorang manusia, maka dapatlah kita katakan bahawa setiap amal perbuatan adalah merupakan penterjemahan atau kejelasan daripada apa yang tersirat di dalam hati atau jiwa seseorang itu. Oleh itu, apabila amal perbuatan lahiriahnya itu baik, jelaslah bahawa budi pekertinya itu baik (Sabiq 1982).

## Sikap Bertanggungjawab

Peristiwa 13 Mei 1969 masih lagi lipatan sejarah di Malaysia. Hal ini adalah kerana pada tarikh ini adalah peristiwa yang berlaku rusuhan kaum dan kemuncak perpaduan di Malaysia. Berdasarkan daripada peristiwa tersebut, ia mempunyai hubung kait dengan filem *Bajrangi Bhaijaan*. Hal ini adalah kerana di dalam filem ini rusuhan berlaku antara dua buah negara manakala di Malaysia pada masa itu antara kaum Melayu dan India. Oleh itu, pada masa itu kerajaan telah mengambil keputusan untuk membaik pulih hubungan antara kaum Melayu dan Cina dengan mewujudkan sebuah integrasi. Ia adalah proses bagi mewujudkan identiti nasional dalam kumpulan yang terpisah dari aspek kebudayaan, sosial, dan lokasi dalam sesuatu unit politik.

Pengkaji menemukan bahawa nilai toleransi yang berlaku di dalam filem *Bajrangi Bhaijaan* mempunyai sikap bertanggungjawab yang tinggi. Hal ini adalah kerana Pawan berasa bahawa dia mempunyai peranan sebagai seorang individu untuk menghantar Munni pulang ke pangkuan keluarganya. Walaupun mempunyai pelbagai halangan dan rintangan, dia tetap meneruskan niat baiknya tersebut. Masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini juga perlu menerapkan sikap bertanggungjawab di dalam diri masing-masing. Hal ini adalah kerana ia merupakan aspek yang penting untuk menjaga kerukunan di dalam sesebuah masyarakat untuk hidup dalam keadaan harmoni.

## Kesimpulan

Filem *Bajrangi Bhaijaan* mempunyai banyak nilai toleransi yang dapat diaplikasikan di dalam masyarakat Islam di Malaysia. Malaysia terutamanya di bandar dan luar bandar, semua program rasmi secara umumnya melibatkan pelbagai budaya dan agama. Yang paling menonjol terutamanya ialah melalui tradisi 'Rumah Terbuka' pada musim perayaan tahunan semua agama utama di negara ini. Kebersamaan perlu ditekankan tetapi kita tidak boleh memaksa perpaduan tiruan berikutan perbezaan asas dan nyata kerana ia boleh membawa kepada tindak balasan ekstremisme dan radikalisme.

Sebagai umat Islam, kita perlu menghidupkan dan melaksanakan nilai-nilai toleransi di dalam kehidupan masyarakat. Kita mesti menggunakan segala sumber yang ada dan bekerjasama dengan semua pihak untuk mencegah dan membendung setiap gejala yang berlaku di Malaysia pada hari ini. Hal ini adalah untuk menjaga keamanan negara Malaysia supaya tidak mengulangi kejadian 13 Mei 1969 iaitu rusuhan antara kaum Melayu, Cina, dan India



yang sangat dahsyat. Isu sensitiviti perlu dijaga oleh semua pihak supaya tidak timbul masalah. Filem *Bajrangi Bhaijaan* telah berjaya menonjolkan elemen toleransi yang baik dan perlu dicontohi oleh masyarakat di negara ini.

Oleh itu, filem *Bajrangi Bhaijaan* telah mengajar setiap masyarakat supaya mewujudkan dan mengaplikasikan nilai toleransi bagi membentuk sebuah perpaduan yang jitu. Nilai-nilai toleransi yang terdapat di dalam filem tersebut telah memberi impak yang positif kepada penonton serta masyarakat di luar sana sama ada yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

## Rujukan

al-Quran dan Terjemahan.

*Bajrangi Bhaijaan*. 2015. India: Salman Khan & Khabir Khan Films.

*Di Bawah Lindungan Ka'abah*. 2011. Indonesia. Hanny R. Saputra.

Jaffary, Muda@Ismail, & Jawiah Dakir. 2009. *Islam di Era Globalisasi*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Malaysia Kini. *Banyak Airmata Tumpah Kerana Bajrangi Bhaijaan*. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/305915> [23 Julai 2015]

*Mukhsin*. 2006. Malaysia. Yasmin Ahmad dan Grand Brialliance Films.

Nurcholish Majid. 2000. *Masyarakat Religius*. Jakarta: Paramadina.

*Pensel*. 2008. Malaysia. M. Subash Abdullah dan Grand Brilliance Films.

Sabiq Syed. 1982. *Unsur-Unsur Kekuatan dalam Islam*. terjemahan. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Talib, A.T., & Gill, S. S. 2012. Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience. *Global Journal of Human Social Science*. 12: 1-17.

Umar Hasyim. 1979. *Toleransi dan Kemerdekaan Beragama dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog dan Kerukunan Antara Agama*. Surabaya: Pt. Bina Ilmu.

Saiyyid Qutb. 1983. *Islam dan Perdamaian Dunia*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Sayyid Qutb. 2007. *Islam Kesejahteraan untuk Seluruh Hidup Manusia*. Terj. Ideen Ariffin. Selangor: Penerbit Darhakamah.

al-Qaradawi Yusof. 2012. *Flexibility Islam, Prinsip, Akidah, dan Keutamaan Sumber*. Terj. Zaini. Selangor: Syabab Book Link.

Al-Qardawi Yusuf. 2012. *Halangan-Halangan kepada Penyelesaian Gaya Hidup Islam*. Terj. Basri Ibrahim. Selangor: al-Hidayah House of Publication Sdn. Bhd.

Zaluddin Sulaiman. 1995. *Islam dalam Kehidupan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.